

'Sukar letak tarikh tetap peralihan kepemimpinan'

PM mahu selesai tanggungjawab, tugas sebelum serah Anwar terajui negara

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan sukar untuk meletakkan tarikh yang tetap bagi menentukan peralihan pucuk kepimpinan negara.

Perdana Menteri berkata, adalah susah sekiranya tugas dan tanggungjawab dilaksanakan itu tidak selesai sepenuhnya.

"Kita harus mengkaji situasi. Jika tugas tidak dilaksanakan sepenuhnya atau tidak selesai, susahlah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA), di sini, semalam.

Mengikut perjanjian Pakatan Harapan (PH) sebelum PRU-14, Dr Mahathir akan dilantik sebagai Perdana Menteri dan kemudiannya menyerahkan teraju kepimpinan negara kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Namun tiada tempoh masa khusus dinyatakan.

Ketika sesi dialog anjuran Ma-

Kita harus mengkaji situasi. Jika tugas tidak dilaksanakan sepenuhnya atau tidak selesai, susahlah.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

jlis Hubungan Luar di New York, minggu lalu, Dr Mahathir menyatakan beliau akan melepaskan jawatan Perdana Menteri sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Dr Mahathir yang sebelum ini pernah menyatakan beliau akan berundur selepas dua tahun memegang jawatan Perdana Menteri.

Sabtu lalu, bekas Timbalan Presiden PKR, Syed Husin Ali, mendesak peralihan kuasa pentadbiran negara dilakukan sege-



ra.

Syed Husin mendakwa hasrat Dr Mahathir untuk berundur daripada jawatan Perdana Menteri sekurang-kurangnya tiga tahun lagi akan 'membunuh' PH kerana Anwar tidak mempunyai masa mencukupi untuk berkempen dan mengatur rancangan.

Ditanya desakan Syed Husin, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak pernah dibincangkan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, tiada keperluan untuk

menilai semula kedudukan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy

Katanya, Waytha masih kekal sebagai menteri dalam barisan Kabinet.

"Saya tak nampak ada masalah. Jadi untuk waktu ini, saya masih 'simpan' dia sebagai menteri," katanya.

Pada 3 Januari lalu, Dr Mahathir dilaporkan akan membuat keputusan kedudukan Waytha sebagai menteri selepas menerima laporan penuh inkuies kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim.

Sebelum ini, pelbagai pihak menggesa Waytha dilucutkan jawatan menteri bertanggungjawab terhadap perpaduan dan integriti nasional berikutan mengeluarkan kenyataan agar tindakan disiplin dikenakan terhadap anggota polis daerah Subang Jaya, susulan isu rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25 Subang Jaya, November tahun lalu.

Pada 27 September lalu, Koroner Rofiah Mohamad memuktuskan punca kematian Muhammad Adib akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali.

Muhammad Adib meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember tahun lalu, selepas 21 hari bertarung nyawa susulan rusuhan di hadapan kuil Sri Maha Mariamman.